

17/11/1997

Krisis tidak jejas Lima '97

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin krisis ekonomi dan kewangan yang melanda rantau ini tidak akan menjejaskan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97).

Menurut Perdana Menteri, banyak pihak berpendapat keadaan ekonomi sekarang bersifat sementara dan tidak akan mempengaruhi permintaan terhadap keluaran kelengkapan maritim dan udara dalam tempoh jangka panjang.

"Tidak semestinya apa yang dipamerkan hari ini akan dapat dijual hari ini juga...mungkin bila keadaan lebih tenteram, mereka akan mendapat hasil daripada pameran mereka," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat dan lawatan tapak pameran Lima '97 di Padang Matsirat dan Tanjung Malai, di sini hari ini.

Turut memberi taklimat ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Lima '97 dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizan Hussain yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Lima '97.

Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan yang menganjurkan pameran udara serta Pengerusi Huswah Exhibition Sdn Bhd, Tan Sri Wahab Nawi selaku penganjur bahagian maritim, turut menyampaikan taklimat.

Dr Mahathir berkata, seperti pameran Lima yang lalu, kebanyakan pengunjung adalah mereka yang mencari pesawat dan kapal komersil kerana Lima lebih kepada pameran perdagangan.

Selain itu, katanya, Lima yang diadakan sejak 1991 juga berjaya mencapai matlamat untuk memperkenalkan dan memajukan industri penerbangan dan maritim negara.

Perdana Menteri berkata, Lima yang diadakan setiap dua tahun itu turut berjaya memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkenal di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, kejayaan memperkenalkan sektor penerbangan terbukti apabila semakin ramai rakyat Malaysia yang memiliki pesawat persendirian, berbanding sebelum Lima diadakan.

Selain itu, banyak syarikat penerbangan baru membeli pesawat selepas melihat pesawat yang dipamerkan di Lima.

Beliau juga berkata, pertambahan bilangan peserta Lima setiap kali diadakan membuktikan bahawa ia mendapat pengiktirafan industri penerbangan dan maritim antarabangsa.

Katanya, pada Lima '97 selama seminggu mulai 2 Disember ini sebanyak 903 syarikat sudah mengesahkan penyertaan, termasuk 238 peserta bahagian maritim.

"Peserta yang datang meningkat kerana yakin peralatan serta pesawat yang mereka pamer sudah maju. Dahulu kita dapati di Malaysia tidak ramai orang memiliki kapal terbang persendirian, sekarang ini sudah banyak.

"Ada juga syarikat penerbangan baru yang membeli selepas melihat pesawat ini dipamerkan di Lima. Selain kemajuan industri penerbangan dan maritim, Langkawi terkenal sebagai destinasi pelancongan di dunia...kadang-kadang orang lebih kenal Langkawi daripada Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata beliau berpuashati dengan persiapan dan sambutan di kalangan syarikat dan negara peserta.

(END)